

CABARAN PENGUMPULAN DATA SEMASA PKP 2.0 DAN INOVASI PENGGUNAAN DATA SEKUNDER DALAM PELAKSANAAN SURVEI JABATAN BAGI SEKTOR EKONOMI

Pengenalan

Ekonomi Malaysia

Ekonomi global berhadapan dengan ketidakpastian akibat penularan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia sejak dari penghujung tahun 2019 sehingga kini. Malaysia tidak terkecuali dari menerima kesan negatif daripada wabak berkenaan, di mana prestasi ekonomi Malaysia merosot sehingga 5.6% pada tahun 2020. Pelbagai langkah proaktif diambil oleh kerajaan bagi mencapai keseimbangan di antara kelangsungan aktiviti ekonomi dan dalam masa yang sama tahap kesihatan masyarakat terpelihara. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 yang bermula pada Mac 2020 menyaksikan pendapatan negara berkurang sebanyak RM2.4 bilion sehari, berbanding pelaksanaan PKP 2.0, di mana negara mengalami kerugian sebanyak RM700 juta sehari. Pada suku tahun pertama 2021, ekonomi Malaysia mula pulih secara berperingkat, di mana nilai KDNK mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding penurunan 3.4 peratus pada suku tahun keempat 2020. Keadaan ini disokong oleh peningkatan di dalam sektor pembuatan dan pemulihan di dalam sektor pertanian masing-masing sebanyak 6.6 peratus dan 0.4 peratus pada suku tahun pertama 2021.

Ekonomi Negeri Kelantan

Prospek pertumbuhan ekonomi di Negeri Kelantan turut dipengaruhi oleh pandemik ini di mana kenaikan mendadak kes COVID-19 menyebabkan pelaksanaan PKP 2.0 bermula 16 Januari sehingga 18 Februari 2021 dan 16 April sehingga 17 Mei 2021 bagi melandaikan keluk jangkitan. Walaupun dijangka berlakunya pengurangan hasil atau pendapatan yang diterima oleh para peniaga, pendekatan PKP 2.0 yang lebih bersasar ini akan dapat memulihkan kembali keadaan ekonomi di Kelantan secara perlahan-lahan memandangkan impak yang diterima adalah lebih kecil berbanding semasa pelaksanaan PKP 1.0. Ini kerana lebih banyak sektor ekonomi dibenarkan untuk beroperasi, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman yang menjadi penyumbang utama kepada KDNK Kelantan dan secara tidak langsung ianya akan mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini.

Langkah Pemulihan

Pelbagai langkah terus dilaksanakan oleh kerajaan termasuk pemberian Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (Kita PRIHATIN) dalam kerangka membantu rakyat dan juga memulihkan ekonomi negara. Di samping itu, kerajaan negeri turut melaksanakan Pakej Bantuan Khas Berkala bagi membantu rakyat dan peniaga yang terkesan dengan pandemik. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dijangka akan dapat memulihkan kembali keadaan ekonomi di mana langkah-langkah pembendungan akan dapat dikurangkan secara beransur-ansur dan aktiviti yang terbatas sebelum ini seperti pelancongan akan dapat diteruskan kembali. Walau bagaimanapun, sehingga Mac 2021, bilangan penduduk Kelantan yang mendaftar bagi suntikan vaksin COVID-19 jauh lebih rendah, iaitu 200,000 orang penduduk berbanding 1.2 juta orang.




Impak PKP 2.0 Terhadap Sektor Perdagangan Edaran di Kelantan

Prestasi Sektor Perdagangan Edaran di Kelantan boleh diukur melalui pelaksanaan Survei Perdagangan Edaran Bulanan (MDT) yang dilaksanakan setiap bulan. Sampel pertubuhan yang terlibat adalah sebanyak 373 pertubuhan yang merangkumi subsektor Borong, Runcit dan Kenderaan Bermotor.



CARTA 2.1.1 : STATISTIK HASIL SEKTOR PERDAGANGAN EDARAN JANUARI - APRIL 2021




BORONG	RUNCIT	KENDERAAN BERMOTOR
<ul style="list-style-type: none"> •29 industri •75 pertubuhan 	<ul style="list-style-type: none"> •40 industri •215 pertubuhan 	<ul style="list-style-type: none"> •8 industri •79 pertubuhan


PERBANDINGAN PERATUS HASIL SEKTOR PERDAGANGAN EDARAN

Sektor/Subsektor	Feb/Jan	Mac /Feb	April/Mac
PERDAGANGAN EDARAN	-4.4	24.9	-8.0
Borong	-5.5	26.7	-14.0
Runcit	-4.1	9.1	0.6
Kenderaan Bermotor	-2.2	50.9	-8.1

CARTA 2.1.3 : PERBANDINGAN BIL. PEKERJA BAGI SUBSEKTOR BORONG, RUNCIT DAN KENDERAAN BERMOTOR



CARTA 2.1.4 : PERBANDINGAN BAYARAN GAJI BAGI SUBSEKTOR BORONG, RUNCIT DAN KENDERAAN BERMOTOR




Bilangan pekerja dalam ketiga-tiga subsektor tidak menunjukkan perbezaan yang ketara sepanjang tempoh PKP 2.0 dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dari segi pembayaran gaji, subsektor Kenderaan Bermotor menunjukkan trend yang berbeza berbanding subsektor lain iaitu perbelanjaan untuk gaji menurun bermula Mac sebagai salah satu dasar penjimatan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PKP 2.0 memberikan kesan kepada Sektor Perdagangan Edaran di Kelantan terutamanya dari segi hasil dan kos pembayaran gaji kepada pekerja. Situasi ini dijangka akan memberikan impak yang lebih besar dengan pelaksanaan PKP 3.0.



Impak PKP 2.0 Terhadap Sektor Pembuatan di Kelantan


Carta 2.2.1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Jan-Apr 2021 (Pertubuhan Besar)




Nilai jualan pertubuhan besar menurun semasa pelaksanaan PKP 2.0 sebanyak 12%.

Pertubuhan berstatus sederhana mencatatkan penurunan jualan semasa tempoh PKP 2.0 sebanyak 4%.

Carta 2.2.2: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Jan-Apr 2021 (Pertubuhan Sederhana)




Carta 2.2.3: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Jan-Apr 2021 (Pertubuhan Kecil)




8% penurunan nilai jualan bagi pertubuhan berstatus kecil semasa pelaksanaan PKP 2.0.

Sebanyak 7% penurunan nilai jualan bagi pertubuhan berstatus mikro semasa pelaksanaan PKP 2.0.

Carta 2.2.4: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Jan-Apr 2021 (Pertubuhan Mikro)



Carta 2.2.5: Peratus Kenaikan Gaji Berdasarkan Bulan Januari 2021



nota


Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang telah dilaksanakan di Negeri Kelantan bermula 16 Januari sehingga 18 Februari 2021 dilihat memberi impak kepada aktiviti ekonomi sektor pembuatan di negeri Kelantan.

Semua kategori PKS sepanjang tempoh PKP 2.0 mengalami penurunan nilai jualan. Selepas berakhir PKP 2.0 pada bulan Mac, jualan kembali meningkat walaupun pertubuhan besar kembali menurun pada bulan April.

Bilangan pekerja berkurang dan gaji bagi semua kategori pertubuhan berkurang semasa PKP 2.0, bilangan pekerja bertambah selepas PKP 2.0 bagi semua sektor kecuali pertubuhan besar berkurang pada April sebanyak 0.7%. Pembayaran gaji meningkat pada April sebanyak 2.9%.

Secara keseluruhan, semua sektor mengalami kesan kepada jualan, bilangan pekerja dan pembayaran gaji sepanjang tempoh PKP 2.0 dan dijangka akan mengalami trend yang sama semasa PKP 3.0.

Carta 2.2.6: Peratus Bilangan Pekerja yang Bekerja Berdasarkan Bulan Januari 2021



Isu dan Cabaran Pengumpulan Data

Kepentingan statistik dalam kehidupan seharian memang tidak dapat dinafikan lagi, khususnya dalam membantu negara untuk membuat polisi atau dasar berpandukan kepada status semasa ekonomi dan sosial atau dalam erti kata yang lain, statistik secara *real-time*. Pandemik COVID-19 telah membawa kepada cabaran yang besar bagi pengeluaran statistik rasmi dari segi pengumpulan data, khususnya semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara cabaran yang perlu dihadapi oleh barisan hadapan DOSM Negeri khususnya DOSM Kelantan adalah:

- ✓ Responden sukar dihubungi dalam tempoh PKP kerana perniagaan tidak beroperasi.
- ✓ Nombor telefon yang sedia ada telah tamat perkhidmatan.

- ✓ Kesukaran untuk mendapatkan kepercayaan daripada responden memandangkan panggilan dibuat melalui telefon peribadi untuk mendapatkan data.

- ✓ Responden mengelak untuk bersemuka bagi mengurangkan penularan wabak COVID-19.

- ✓ Masalah capaian internet oleh responden.

Inovasi Penggunaan Data Sekunder

- Data sekunder merupakan satu set data yang telah tersedia dan terkumpul serta diperolehi melalui kajian-kajian yang telah dijalankan oleh individu, organisasi ataupun diperolehi daripada berita-berita semasa. Corak yang ada pada satu-satu data sekunder kebanyakannya berbentuk siri masa atau *single data* dan tidak memerlukan untuk kita membuat sebarang operasi lapangan untuk mendapatkannya dan dalam istilah lain, data sekunder ini merupakan set data yang dikumpulkan oleh orang lain untuk tujuan lain tetapi dalam masa yang sama dapat digunakan dalam kajian yang sedang dijalankan.
- Pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam mencari data sekunder sebagai contoh polisi kerajaan sekarang iaitu *Open Data Management*. Polisi ini membenarkan pihak umum untuk mengakses data-data yang ada dalam sesebuah Jabatan Kerajaan bagi tujuan kajian.
- Sebagai contoh, data yang dikongsi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kepada pihak luar melalui laman sesawang <https://www.dosm.gov.my> di bawah tab statistik dan juga Arkib, pihak luar boleh memuat turun pelbagai jenis data serta penulisan atau kajian yang telah dijalankan oleh DOSM bagi tujuan rujukan mereka. Data-data lain juga boleh diperolehi melalui laman sesawang <https://www.data.gov.my/> atau pun boleh diperolehi melalui laman sesawang Jabatan-Jabatan lain yang kita kehendaki.

PENGGUNAAN DATA SEKUNDER DALAM SURVEI RUTIN JABATAN

- BANCI EKONOMI
- BANCI PERDAGANGAN EDARAN
- MALAYSIA STATISTICAL BUSINESS REGISTER (MSBR)



- ❑ Jika dilihat dari sudut penggunaan data sekunder, terdapat banyak cabang penggunaan data yang boleh diaplikasikan seperti membuat analisis siri masa dalam membuat penganggaran, menilai keberkesanaan sesuatu program dan lain-lain lagi. Data sekunder juga boleh digunakan untuk mewujudkan metodologi kajian baru berdasarkan kepada dapatan kajian sejarah di mana ianya boleh dijadikan sebagai bukti dalam menyokong serta memperkuatkan lagi metodologi kajian semasa yang sedang dilaksanakan.
- ❑ Secara dasarnya data sekunder boleh digunakan dalam menghasilkan pelbagai kajian terbaru (updating research) kepada kajian yang sama yang telah dibuat oleh pengkaji sebelum ini serta sebagai sumber utama dalam mencari penyelesaian terhadap permasalahan kajian. Ianya digunakan sebagai salah satu alternatif lain dalam melaksanakan sesebuah perancangan atau kajian berdasarkan kepada data yang telah tersedia oleh kerana berlaku kesukaran untuk mendapatkan data primer ataupun kajian tersebut memerlukan penggunaan data sejarah.
- ❑ Terdapat banyak faktor kenapa data sekunder ini dipilih di mana sebagai contoh apabila sesuatu kajian itu memerlukan data siri masa yang merangkumi tempoh masa yang agak lama, sudah pasti tidak akan dapat diperolehi melalui survei melainkan merujuk kepada sumber rujukan bagi mendapatkan data tersebut. Justeru itu, selain dari membuat rujukan melalui bahan bacaan seperti di internet / buku ataupun risalah, polisi Open Data yang dibuat oleh pihak Kerajaan ini amatlah berguna kepada semua pihak terutama kepada penyelidik atau pun pelajar-pelajar dalam mendapatkan data tersebut terutama ketika negara kini sedang menghadapi krisis Pandemik COVID-19 di mana sukar untuk mendapatkan data sekunder berlaku.

Cadangan dan Rumusan

Pelan pemulihan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 banyak mempengaruhi struktur ekonomi di Malaysia dan Negeri Kelantan secara khususnya. Walaupun ada keperluan untuk mengawal pandemik ini secara efisien, terdapat juga keperluan untuk mencegah gangguan terhadap rantaian nilai sektor pembuatan yang mampu mengancam pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang berterusan untuk industri-industri penting seperti makanan, penjagaan kesihatan/peralatan perubatan, farmaseutikal, sabun dan bahan pencuci.

Tidak dinafikan, pelbagai cabaran dan halangan terpaksa ditempuh oleh DOSM Negeri selaku barisan hadapan dalam mengumpul data yang amat diperlukan oleh kerajaan bagi membantu pelaksanaan dasar yang bertepatan dengan situasi ekonomi semasa, khususnya semasa pelaksanaan PKP. Ini kerana lebih banyak sektor ekonomi atau perniagaan ditutup menyebabkan timbulnya kesukaran untuk menghubungi responden, tambahan pula anggota jabatan perlu bekerja dari rumah dan menggunakan telefon peribadi untuk menghubungi responden. Namun demikian, bagi memastikan pungutan data dapat dilaksanakan secara berterusan, pelbagai inovasi perlu dilakukan sebagai contoh soalselidik sedia ada dipendekkan bagi memastikan tempoh masa untuk menghubungi responden melalui telefon lebih singkat dan tidak membebankan responden. Pelaksanaan e-survei pada masa kini dilihat sebagai satu langkah yang tepat, namun responden juga menghadapi kekangan dari segi capaian internet.

Dalam langkah untuk mewujudkan kepercayaan antara jabatan dengan responden, penggunaan CATI serta video *conferencing* dijangka akan dapat meningkatkan kadar respon memandangkan kerja-kerja pungutan data dibuat melalui talian rasmi jabatan.

Sumber:

1. <https://bharian.com.my>
2. <https://sinarharian.com.my>
3. <https://www.dosm.gov.my>
4. <https://www.data.gov.my>
5. MOF, PMO

PENAFIAN: Artikel dalam newsletter ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

